

Ekonomi bayangan merugikan negara

Kerajaan perlu bertindak tegas elak masalah jejas rakyat dalam jangka panjang

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tindakan tegas mengisytihar 'perang' terhadap aktiviti ekonomi bayangan atau 'shadow economy' perlu dilancarkan segera bagi mengelakkannya daripada terus menjejaskan kepentingan negara dan rakyat dalam jangka panjang.

Ekonomi bayangan hanya menguntungkan dalangnya berikutan laba yang diperoleh tidak cukai, sekali gus menyebabkan hasil kerajaan terjejas dan kekurangan dana untuk melaksanakan pelbagai pembangunan untuk negara serta keperluan rakyat.

Ekonomi bayangan atau dirujuk juga 'ekonomi bawah tanah' tidak terhad kepada isu berkaitan percutiaan sahaja, tetapi juga merangkumi aktiviti jenayah seperti penyeludupan barang terlarang atau barang truian serta penguahan wang haram.

Perniagaan tidak berdaftar termasuk yang diusahakan secara sambilan juga antara aktiviti ekonomi bayangan, selain mereka yang menerima bayaran gaji atau upah secara tunai bagi mengelak pelaporan kenyataan pendapatan, sekali gus mengelak membayar cukai pendapatan.

Difahamkan, mereka yang mempunyai pekerjaan tetap tetapi turut bekerja atau berniaga sambilan seperti membuka atau mengajar di kelas tuisyen atau menjual produk dan perkhidmatan secara dalam talian tanpa berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mampu meraih pendapatan lebih tinggi berbanding kerja hakiki.



Kerajaan perlu terus dalam menyalurkan maklumat mengenai perbelanjaan hasil cukai yang dikutip.

Veerinderjeet Singh,
 Pakar percukaian



Komitmen jitu semua pihak diperlukan dalam menangani aktiviti ekonomi bayangan.

Lee Heng Guie,
 Pengarah Eksekutif SERC

Aktiviti ekonomi bayangan lain adalah perniagaan yang diusahakan warga asing menggunakan lesen rakyat tempatan serta 'hawala' atau khidmat kiriman wang ke luar negara secara haram tanpa rekod atau dokumentasi berbanding menerusi sistem perbankan atau syarikat kewangan.

Bagi pakar percukaian, Dr Veerinderjeet Singh, kerajaan perlu menangani isu ekonomi bayangan dengan segera.

"Jika tidak mula menangani isu itu sepenuhnya dalam masa terdekat, ia akan mengambil masa yang agak panjang untuk dibenarkan. Lantaran itu, penyelesaian perlu dilaksanakan secepat mungkin," katanya kepada BH.

Veerinderjeet mengakui ancaman aktiviti ekonomi bayangan yang turut dihadapi negara lain, tidak boleh dihapuskan sepenuhnya, namun boleh ditangani jika semua pihak bekerjasama.

Beliau menjelaskan, banyak cara boleh diambil bagi menangani aktiviti terbabit, terutama mengguna pakai teknologi sedia ada dalam data besar, analitik dan Internet Segalanya (IoT), penguatkuasaan lebih ketat serta mening-



katkan kesedaran terhadap kepentingan percukaian.

Kerajaan juga perlu terus dalam menyalurkan maklumat mengenai perbelanjaan hasil cukai yang dikutip, memperbanyak dan memudahkan saluran untuk proses perisytiharan cukai, selain penguatkuasaan sistem tanpa tunai.

"Penguatkuasaan yang ketat dan usaha mendidik serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan percukaian perlu diterapkan. Untuk memupuk kesedaran, kerajaan perlu lebih telus memberikan maklumat perbelanjaan hasil cukai kepada rakyat.

"Saluran isytihar cukai perlu lebih banyak, mudah, mesra pengguna dan tidak membebankan. Penyelesaian lain adalah sistem transaksi tanpa tunai yang akan membolehkan pihak berkuasa mempunyai rekod transaksi serta

Ekonomi bayangan

Tidak terhad kepada isu berkaitan percukaian

Termasuk aktiviti perniagaan tidak berdaftar, secara sambilan

Meliputi aktiviti kompleks terselindung bagi elak pelaporan kenyataan pendapatan, elak dikenakan cukai

Ancam kestabilan ekosistem percukaian negara khususnya dalam memberi keadilan cukai dan pematihan cukai sukarela

Antara aktiviti ekonomi bayangan

1. Berjaya sambilan seperti guru tuisyen, jual makanan, perniagaan dalara talian
2. Khidmat promosi produk, perkhidmatan oleh selebriti media sosial
3. Pembayaran gaji, upah secara tunai
4. Penyeludupan barang terlarang
5. Khidmat kiriman wang ke luar negara secara haram atau 'hawala'

lebih mudah menangani aktiviti ekonomi bayangan," katanya.

Katanya, anggaran ekonomi bayangan dunia adalah kadar 30 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala anggaran ekonomi bayangan di Malaysia kini pada 21 peratus.

Pada 13 Januari lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mendedahkan saiz ekonomi bayangan di Malaysia sekitar 21 peratus daripada KDNK negara iaitu kira-kira RM300 bilion, dihasilkan daripada aktiviti ekonomi tersembunyi atau jenayah terancang yang terlepas daripada pihak berkuasa.

Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menganggarkan saiz ekonomi bayangan 150 negara di antara 1991-2015 mencecah 31.9 peratus daripada KDNK negara berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERC), Lee Heng Guie mengakui aktiviti ekonomi

bayangan sememangnya merugikan negara, sekali gus perlu dibendung segera.

Katanya, penggunaan teknologi seperti analisis data besar, pengawasan dan pemantauan rapat terhadap kutipan dan audit cukai mampu mengesan dan mengengkang aktiviti ekonomi bayangan di negara ini.

"Komitmen jitu semua pihak diperlukan dalam menangani aktiviti ekonomi bayangan, yang mana ketika ini mewakili 21 peratus daripada KDNK negara kita, lebih tinggi berbanding paras normal 12 peratus," katanya.

Beliau menyifatkan langkah kerajaan memperkenalkan inisiatif Nombor Pengenalanan Cukai (TIN) pada 2021 untuk semua perniagaan atau individu berusia 18 tahun ke atas yang mempunyai hasil pendapatan, antara kaedah sesuai dalam mengesan dan mengengkang aktiviti ekonomi bayangan.